

## Perihal Jodoh dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

### The Concept of Marriage Partners in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Analysis

Julaina Nopiah\* & Nurhazwanie Hashim

Kuliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),  
Kampus Pagoh, Johor, Malaysia

Submitted: 1/5/2025. Revised edition: 23/9/2025. Accepted: 27/4/2026. Published online: 29/6/2026

#### ABSTRAK

Peribahasa Melayu merupakan wahana pedoman, nasihat, dan kiasan yang mendukung sistem nilai masyarakat. Walaupun kajian terdahulu banyak menumpukan kepada pengelompokan flora, fauna, dan konsep umum, penelitian terhadap konsep fundamental kehidupan seperti perihal jodoh masih kurang diberikan tumpuan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peribahasa yang menggambarkan perihal jodoh serta menganalisis perkaitan antara objek dengan imej yang digunakan. Selain itu, kajian ini turut mencungkil falsafah dan nilai akal budi yang tersirat di sebalik konsep tersebut. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan sumber data primer daripada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua susunan Abdullah Hussain (2005) serta data sekunder daripada pangkalan data elektronik Malaycivilization (ATMA, UKM). Data dianalisis secara mendalam menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS) bagi menghubungkan lambang linguistik dengan kognitif dan sosiobudaya penutur. Hasil dapatan menunjukkan bahawa peribahasa perihal jodoh diklasifikasikan kepada tiga tema utama yang secara konsisten menyerlahkan nilai keseimbangan dalam hubungan insaniah. Kesimpulannya, kajian ini memberikan sumbangan signifikan terhadap pemahaman falsafah dan akal budi Melayu menerusi perspektif linguistic yang menyentuh aspek hubungan sesama manusia.

*Kata kunci:* Peribahasa, Jodoh, Semantik Inkuisitif, Rangka Rujuk Silang (RRS), Akal Budi Melayu

#### ABSTRACT

Malay proverbs (peribahasa) serve as a medium for guidance, advice, and metaphors that underpin the societal value system. Although previous studies have extensively focused on the categorization of flora, fauna, and general concepts, research on fundamental life concepts such as marriage and soulmates (jodoh) remains underexplored. Therefore, this study aims to identify proverbs related to jodoh and analyze the relationship between the objects and images used in these metaphors. Furthermore, the study uncovers the underlying philosophy and cultural wisdom (akal budi) inherent in the concept. A qualitative research methodology was adopted, utilizing primary data from the Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua compiled by Abdullah Hussain (2005) and secondary data from the Malaycivilizationelectronic database (ATMA, UKM). The data were analyzed in depth using the Inquisitive Semantics approach and the Cross-Reference Framework (CRF) to connect linguistic symbols with speakers' cognitive and sociocultural frameworks. The findings indicate that proverbs concerning jodoh are classified into three main themes, which consistently highlight the value of balance in human relationships. In conclusion, this study contributes significantly to the understanding of Malay philosophy and cultural wisdom through a linguistic perspective concerning aspects of human relationships.

*Keywords:* Proverbs, Jodoh, Inquisitive Semantics, Cross-Reference Framework (CRF), Malay Mind (Akal Budi)

\*Correspondence to: Julaina Nopiah (email: [julainanopiah@iiium.edu.my](mailto:julainanopiah@iiium.edu.my))

## 1.0 PENGENALAN

Penciptaan peribahasa adalah pendek tetapi mempunyai erti dalam setiap kata. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1991) dalam penulisan Julaina Nopiah *et al.* (2018), orang Melayu mempraktikkan peribahasa dalam usaha menyampaikan mesej dengan cara yang sopan. Masyarakat dahulu menggunakan kata-kata tersirat demi menjaga air muka si lawan tutur. Daya cipta membentuk peribahasa ini jelas menunjukkan bahawa bangsa Melayu menerapkan sifat berbudi bahasa dan bersopan santun supaya tidak mengecilkan hati sesiapa ketika menegur, menasihati, menyanggah dan menyindir. Masyarakat Melayu mengambil ilham mencipta peribahasa melalui pengalaman dan pengamatan terhadap alam sekeliling. Lalu, ilmu yang diperoleh tersebut dijadikan sebagai perlambangan yang menggambarkan ciri-ciri persamaan dengan sifat-sifat manusia (Julaina Nopiah *et al.*, 2018).

Hal ini bertepatan dengan pandangan Nor Hashimah Jalaluddin (2003) bahawa sikap dan pemikiran seseorang itu dapat diketahui melalui cara berkomunikasi. Manifestasi komunikasi ini dizahirkan melalui penghasilan karya lisan yang melambangkan kehebatan orang Melayu dahulu dalam mengaplikasikan alam sekeliling sebagai refleksi kepada kehidupan manusia.

Ilmu yang tersirat dalam peribahasa telah mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Salah satu aspek kehidupan dan lumrah yang berlaku kepada setiap manusia adalah berkaitan jodoh. Perihal jodoh memegang makna yang penting dalam kehidupan bermasyarakat pada zaman dahulu. Sehingga, masyarakat dahulu mempunyai adat dan juga pantang larang apabila mencari jodoh dan ketika menerima jodoh. Jodoh bukan hanya tentang soal cinta, malah jodoh berkait rapat dengan harga diri seseorang dan kehormatan sesebuah keluarga. Hal ini demikian kerana, pemilihan jodoh seseorang boleh membawa kepada kebaikan ataupun keburukan. Proses jodoh bukannya sentiasa memiliki saat-saat manis, malah boleh berlaku pertelagahan yang menyebabkan kerintangan dalam hubungan berjodoh. Masyarakat dahulu amat mementingkan penjagaan air muka seseorang sama ada terhadap orang yang dikenali ataupun tidak. Pujian dan sindiran diselindung di sebalik bait-bait kata yang lebih beradab. Maka, peribahasa memerihalkan jodoh merupakan karya lisan turun-temurun yang mencerminkan nilai dan pandangan hidup masyarakat.

Perihal jodoh dalam peribahasa berfungsi sebagai wahana bagi generasi masa kini untuk memahami rujukan silang pengalaman masyarakat terdahulu. Oleh itu, peribahasa Melayu sarat dengan nilai murni yang boleh dijadikan pedoman hidup. Dalam pandangan alam Melayu, jodoh diyakini sebagai salah satu bentuk rezeki, setaraf dengan kurniaan harta dan kesihatan. Ungkapan ‘jodoh dan pertemuan berada di tangan Tuhan’ sering menjadi sandaran masyarakat apabila berdepan dengan realiti perkahwinan mahupun perceraian (Azri Bhari, 2024). Hal ini merangkumi kitaran hubungan, sama ada jodoh yang kekal hingga ke akhir hayat atau yang terhenti di tengah jalan. Peribahasa seperti ‘kalau jodoh tidak ke mana’ jelas menggambarkan keteguhan pegangan masyarakat terhadap ajaran Islam bahawa setiap pertemuan adalah tertakluk kepada ketentuan Allah SWT.

Oleh itu, perihal jodoh dalam peribahasa Melayu melihat kepada nilai budaya dan kepercayaan akan jodoh yang ditetapkan kepada semua manusia. Selain itu, peribahasa ini juga dapat menyuntikkan semangat kepada bangsa Melayu supaya tidak terburu-buru dalam mencari jodoh. Hal ini demikian kerana, jodohlah yang mencerminkan keperibadian diri, membawa hala tuju dalam kehidupan yang baik dan membina sokongan emosi serta rohani.

## 1.1 Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan abad ini, anak muda lebih memilih kepada hiburan moden mengikut peredaran zaman berbanding dengan karya sastera tradisional yang merupakan lambang bangsa Melayu itu sendiri. Terdapat kajian yang telah dilakukan dalam meneliti penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Nor Hidayah Roslan *et al.* (2024) mendapati bahawa terdapat pelajar gagal menggunakan peribahasa yang betul dalam menginterpretasi makna dalam penulisan karangan. Hal ini disebabkan oleh masalah kurang pembacaan, kurang penekanan penggunaan peribahasa dan teknik pengajaran yang kurang sesuai. Kajian ini telah menyokong pernyataan bahawa pendedahan ilmu peribahasa Melayu dalam kalangan muda adalah kurang. Faktor keadaan perubahan persekitaran hidup zaman kini semakin melupakan penggunaan peribahasa Melayu. Persekitaran hidup moden menjadikan pembelajaran peribahasa Melayu di sekolah membosankan kerana menggunakan gaya pembelajaran yang lama. Selain itu, kesibukan ibu bapa bekerjaya mempunyai masa yang terhad dalam mendidik anak mengenali ilmu tradisi nenek moyang yang semestinya diamalkan secara berterusan.

Generasi kini menganggap bahawa peribahasa sudah lapuk untuk dipelajari. Mereka lebih tertarik dengan penggunaan bahasa yang lebih santai dan mengikut trend supaya mereka sentiasa dalam kalangan masyarakat yang majoriti. Sebagai contoh, tidak ramai anak muda kini menggarapkan penggunaan peribahasa dalam perbualan seharian. Malah, terdapat kecenderungan untuk menormalisasikan penggunaan bahasa rojak dan bahasa slanga. Selain itu, penggunaan peranti pintar yang semakin dominan turut mendorong anak muda untuk lebih bergantung kepada aplikasi pesanan segera serta platform media sosial seperti WhatsApp dan TikTok. Hal ini demikian kerana platform tersebut lebih pantas dan ringkas dalam menyampaikan mesej, namun dalam masa yang sama meminggirkan penggunaan bahasa yang berbunga serta sarat dengan kiasan seperti peribahasa. Mereka merasakan bahawa peribahasa ini hanya sesuai digunakan dalam majlis-majlis tertentu dan tidak sesuai jika diaplikasikan dalam situasi-situasi yang tidak formal. Hal ini bertepatan dengan pandangan Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010), bahawa anak muda merasakan peribahasa merupakan suatu bahasa klise yang kebanyakannya dipraktikkan oleh masyarakat dahulu sebagai bahan teks ucapan dalam upacara yang beradat.

Kajian ini juga dijalankan susulan kontroversi yang terceletus berkaitan sebuah pantun empat kerat yang dimuat naik di laman Facebook rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sekitar tahun 2019 yang berbunyi:

*Apa guna berkain batik,  
Kalau tidak memakai capal,  
Apalah guna beristeri cantik,  
Kalau tak pandai menumbuk sambal.*

Pantun ini pernah menimbulkan kontroversi akibat perbezaan tafsiran dalam kalangan pembaca, hingga ada yang melabelkannya sebagai berunsur seksis, khususnya oleh golongan feminis (Nor Hashimah Jalaluddin, 2024). Dalam menjelaskan maksud sebenar pantun ini, Nor Hashimah Jalaluddin (2024) menyatakan bahawa terdapat banyak peribahasa Melayu seperti ulam dengan sambal, antan dengan alu dan periigi mencari timba adalah peribahasa yang berkait rapat dengan hubungan suami isteri, rumah tangga, dan jodoh. Apabila tafsiran metafora ini dilihat secara harfiah dan bukannya implisit, maka makna sebenar peribahasa tersebut gagal difahami dengan tepat oleh pembaca. Hal ini membuka satu ruang kajian baharu yang masih kurang diteroka, khususnya dalam bidang metafora Melayu.

Kajian terdahulu secara dominannya memfokuskan kepada pengelompokan objek alam seperti flora dan fauna, namun sering kali sekadar menyentuh aspek luaran atau pengelompokan tema semata-mata. Hal ini mewujudkan satu jurang ilmu yang ketara dalam memahami konsep fundamental kehidupan seperti perihal jodoh, yang sering dianggap sebagai entiti takdir yang pasif tanpa diteliti dimensi kognitifnya. Kegagalan meneliti perihal jodoh secara mendalam menyebabkan kearifan tempatan dan falsafah sosial masyarakat Melayu dalam mendepani institusi kekeluargaan serta keseimbangan hubungan insaniah semakin terpinggir. Tanpa analisis yang tuntas menggunakan pendekatan linguistik kognitif, dikhuatiri generasi masa kini hanya melihat peribahasa jodoh sebagai kiasan usang, sekali gus gagal menggarap nilai akal budi tersirat yang mendasari tatanan jati diri dan kestabilan sosial bangsa Melayu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menelaah peribahasa yang memerihalkan konsep jodoh dengan memberi tumpuan khusus terhadap pemilihan objek, sama ada yang bersumberkan alam semula jadi mahupun artifak persekitaran budaya masyarakat Melayu. Penelitian ini tidak hanya terhad kepada pendokumentasian objek, malah bertujuan untuk membongkar mekanisme kognitif di sebalik pembentukan imej dan pemaknaan peribahasa tersebut. Melalui pendekatan ini, perkaitan antara lambang material dengan konsep abstrak dapat dirungkaikan, sekali gus menyerlahkan kebijaksanaan akal budi Melayu dalam mengonsepsikan hubungan insaniah.

## 1.2 Objektif Kajian

Penyelidikan yang sistematik memerlukan batasan dan objektif yang jelas untuk memastikan tumpuan kajian tetap terarah dan sumbangannya dapat diukur dengan tepat. Justeru, pengkaji mensasarkan tiga objektif utama, iaitu:

- i. Mengenal pasti peribahasa yang memerihalkan jodoh dalam peribahasa Melayu
- ii. Menganalisis perkaitan antara objek dengan imej berhubung perihal jodoh dalam peribahasa Melayu
- iii. Mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik perihal jodoh dalam peribahasa Melayu.

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

Pengkaji membahagikan tinjauan literatur kepada dua kelompok utama, iaitu kajian yang mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif secara umum dan kajian yang memfokuskan kepada perkaitan antara objek dengan imej dalam peribahasa Melayu.

### 2.1 Kajian Semantik Inkuisitif Umum

Analisis terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan Semantik Inkuisitif bersifat versatil dan boleh diaplikasikan merentas pelbagai genre bahasa untuk merungkaikan ilmu dan daya fikir masyarakat. Dalam konteks karya tradisional, Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) membuktikan keberkesanan pendekatan ini melalui penelitian unsur burung dalam pantun, manakala Ihwani Pangesa *et al.* (2024) serta Eli Aima Shazila Amran dan Julaina Nopiah (2020) masing-masing memperincikan penggunaan leksikal bunga dan ayam dalam peribahasa. Secara kritisnya, kajian-kajian ini

merumuskan bahawa pemilihan flora dan fauna bukan sekadar hiasan linguistik, sebaliknya merupakan simbolisme sifat manusia seperti kasih sayang, darjat, kecantikan, mahupun kelicikan. Selain karya tradisional, kognitif penutur turut dikesan dalam lirik lagu moden menerusi dikotomi kata “mati-hidup” (Wong Shia Ho & Nor Hashimah Jalaluddin, 2019) serta penggunaan bahasa slanga harian (2018) yang disokong oleh instrumen Rangka Rujuk Silang (RRS), semantik skrip, dan resonans. Malah, Hairul Nisma Wahab *et al.* (2024) memperluaskan skop kajian melalui analisis perbandingan peribahasa Melayu, Sepanyol, dan Arab yang membuktikan bahawa peribahasa merupakan refleksi universal terhadap nilai usaha dan kesabaran dalam konteks ekonomi.

## 2.2 Kajian Berfokus Perkaitan Objek dengan Imej dalam Peribahasa

Segmen kedua tinjauan literatur menumpukan kepada bagaimana objek fizikal memetakan imej mental dalam pemikiran masyarakat Melayu. Julaina Nopiah *et al.* (2018) melalui refleksi gastronomi menunjukkan bahawa sifat intrinsik objek seperti unsur “sejuk” pada pisang dan “panas” pada daging secara konsisten menentukan imej emosi, sama ada gembira atau menyakitkan. Konsep ini diperkukuh melalui kajian konsep dualisme oleh Julaina Nopiah *et al.* (2017) dan Nursyaza Iffah Shari serta Julaina Nopiah (2024) yang menggunakan pasangan objek seperti “padi-lalang”, “tikus-kucing”, dan “ayam-musang” untuk menggambarkan pertentangan nilai, hierarki kekuasaan, serta perbezaan niat manusia. Selain itu, elemen kesantunan turut dibincangkan melalui penggunaan eufemisme berobjekkan manusia, haiwan, dan tumbuhan yang berfungsi sebagai mekanisme teguran beradab (Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar, 2023). Akhir sekali, penganalisan objek alam seperti akar dan gajah didapati berperanan penting dalam mengonsepsikan imej kepimpinan (Aminuddin Saimon & Muhammad Asyraf Md. Rashid, 2022).

Secara rumusnya, walaupun kajian terdahulu telah meluas meneroka pelbagai leksikal alam dan konsep sosial, penelitian yang memfokuskan kepada falsafah jodoh masih terhad. Kebanyakan kajian sedia ada membataskan ruang lingkup kepada sifat manusia secara umum, ekonomi, atau kepimpinan. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan meneliti bagaimana objek persekitaran digunakan secara spesifik untuk membina imej jodoh, sekali gus menyerlahkan akal budi Melayu dalam memahami ketetapan takdir dan keharmonisan hubungan insaniah.

## 3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif kerana kajian terhadap peribahasa Melayu adalah melalui pengamatan daripada pelbagai rujukan bertulis, dokumen dan kamus. Pengkaji mengumpulkan data dengan mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks yang dapat menghasilkan data yang sahih. Pengkaji mengumpulkan data daripada bentuk bahan bercetak dan bahan elektronik. Instrumen utama kajian ini melibatkan penggunaan bahan bercetak, iaitu *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* (2005) susunan Abdullah Hussain. Kamus ini dipilih sebagai sumber primer kerana kredibilitinya dalam mendokumentasikan peribahasa Melayu secara autentik dan mendalam. Selain itu, kajian ini turut memanfaatkan korpus berkomputer sebagai data sekunder untuk tujuan triangulasi dan pengukuhan data. Portal digital *malaycivilization.com.my* yang diselia oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, telah digunakan sebagai pangkalan data elektronik utama. Penggunaan

korpus berkomputer ini membolehkan pengkaji melakukan pencarian leksikal peribahasa perihal jodoh dengan lebih sistematik dan komprehensif. Di samping itu, rujukan terhadap jurnal-jurnal akademik terpilih turut dilakukan bagi menyokong penganalisan data agar selari dengan perkembangan kajian linguistik semasa.

Seterusnya, analisis data dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin, 2017) bagi mencapai objektif kajian, sekali gus menelusuri makna peribahasa secara mendalam. Proses penganalisan data dalam kajian ini merangkumi tiga tahap utama, iaitu semantik skrip, semantik resonans, dan semantik inkuisitif. Semantik skrip melibatkan pemerhatian terhadap struktur dan elemen leksikal dalam peribahasa atau dikenali sebagai makna harfiah peribahasa itu sendiri. Seterusnya, semantik resonans meneliti bagaimana makna peribahasa ditafsirkan oleh penutur berdasarkan pengalaman dan konteks hidup mereka. Semantik resonans dalam kajian ini diperoleh daripada data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Akhir sekali, semantik inkuisitif digunakan untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu yang tersirat dalam peribahasa, dengan memberi fokus kepada nilai, budaya, dan kebijaksanaan yang mendasari ungkapan tersebut.



**Rajah 1** Kerangka Semantik Inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin, 2017)

#### 4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pengkaji telah meneliti Kamus Istimewa Peribahasa Melayu susunan Abdullah Hussain (2005) dan juga portal [malaycivilization.com](http://malaycivilization.com). Sebanyak 60 peribahasa telah mendeskripsikan perihal jodoh. Pengkaji telah menetapkan tiga tema peribahasa perihal jodoh, antaranya ialah Jodoh Sepadan, Jodoh Tidak Sepadan dan Jodoh yang Terhalang. Sebanyak 31 peribahasa diletakkan di bawah tema Jodoh Sepadan, enam (6) peribahasa di bawah tema Jodoh Tidak Sepadan dan 23 peribahasa di bawah tema Jodoh yang Terhalang. Namun, hanya tiga peribahasa sahaja yang dibincangkan berdasarkan tiga tema ini. Kaedah analisis teks dapat memastikan data yang diperolehi adalah sah dan merupakan maklumat yang tepat untuk kajian ini dilaksanakan. Rajah 2 berikut merupakan peratusan bilangan peribahasa bagi setiap tema yang telah ditetapkan oleh pengkaji.



Rajah 2 Carta Pai Bilangan Peribahasa Perihal Jodoh Mengikut Tema

#### 4.1 Dapatan Peribahasa Perihal Jodoh

##### 4.1.1 Peribahasa Bertemakan Jodoh Sepadan

Tema ini memuatkan peribahasa yang memberi maksud jodoh yang saling melengkapi. Selain itu, peribahasa di bawah tema Jodoh Sepadan juga bererti pertemuan pasangan yang serasi dari segi pelbagai sudut seperti keperluan emosi dan fizikal.

Jadual 1 Peribahasa Bertemakan Jodoh Sepadan

Peribahasa	Maksud
Ada ulam hendaklah ada sambalnya	Sangat sesuai; sepadan benar
Pinang pulang ke tempatnya	Kena pada tempatnya; secocok benar
Seperti cincin dengan permata	Cocok segala-galanya; jodoh yang sesuai benar

##### 4.1.2 Peribahasa Bertemakan Jodoh Tidak Sepadan

Tema ini mengumpul peribahasa yang menunjukkan maksud taraf yang tidak sama dalam berpasangan. Sebagai contoh dari segi darjat, ekonomi, rupa paras dan kedudukan sosial.

Jadual 2 Peribahasa Bertemakan Jodoh Tidak Sepadan

Peribahasa	Maksud
Bagai tanduk bersendi gading	Jodoh yang tidak sepadan
Pipit hendak meminang anak enggang	Sesuatu hal yang aneh; orang yang hina meminang anak orang yang mulia
Tabuhan pinang anak labah-labah	Mencari jodoh yang tidak sepadan

### 4.1.3 Peribahasa Bertemakan Jodoh Tidak Sepadan

Tema ini menunjukkan peribahasa yang menggambarkan perpisahan dan kekecewaan dalam berjodoh. Selain itu, tema ini juga memuatkan peribahasa yang mempunyai maksud ketidakmampuan untuk pasangan lelaki dan perempuan untuk bersatu.

**Jadual 3** Peribahasa Bertemakan Jodoh yang Terhalang

Peribahasa	Maksud
Bagai bertepuk sebelah tangan	Kasih sayang yang hanya pada satu pihak; cinta kasih yang tidak terbalas
Angus tiada berapi karam tiada berair	Menderita kerana ditinggalkan kekasih
Ibarat bunga, sedap dipakai, layu dibuang	Kasih sayang tidak kekal; sesuatu benda itu ketika ia masih elok suka menggunakannya, tetapi apabila tidak elok tidak mahu menggunakannya lagi

## 4.2 Penganalisan Peribahasa Perihal Jodoh

Setelah diperlihatkan contoh-contoh dapatan peribahasa perihal jodoh mengikut tema, pengkaji akan menganalisis hanya satu sahaja peribahasa bagi setiap tema. Jadual 4 di bawah merupakan peribahasa yang dipilih oleh pengkaji untuk dibincangkan dengan lebih mendalam menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang mengandungi tiga peringkat, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

**Jadual 4** Senarai Peribahasa Beserta Tema yang Dipilih

Bil	Peribahasa	Maksud	Tema
1.	Ada ulam hendaklah ada sambalnya	Pelengkap yang sesuai; tiap sesuatu itu ada pasangannya	Jodoh Sepadan
2.	Bagai tanduk bersendi gading	Jodoh yang tidak sepadan	Jodoh Tidak Sepadan
3.	Bagai bertepuk sebelah tangan	Kasih sayang yang hanya pada satu pihak; cinta kasih yang tidak terbalas	Jodoh yang Terhalang

### 4.2.1 Penganalisan Peribahasa Bertemakan Jodoh Sepadan

Tema	Peribahasa	Maksud
Jodoh Sepadan	Ada ulam hendaklah ada sambalnya	Pelengkap yang sesuai; tiap sesuatu itu ada pasangannya

#### Tahap 1: Semantik Skrip

Data bagi peribahasa ada ulam hendaklah ada sambalnya memberi maksud sebagai pelengkap yang sesuai dan juga melambangkan tiap sesuatu itu ada pasangannya.

## **Tahap 2: Semantik Resonans**

Tahap ini menunjukkan penggunaan peribahasa ada ulam hendaklah ada sambalnya yang terdapat di dalam data korpus

i. Dalam memilih pasangan hidup, bukan sekadar rupa dan harta yang menjadi ukuran, tetapi akhlak dan keimanan juga harus diutamakan kerana **\*\*\*ada ulam hendaklah ada sambalnya\*\*\***, jika ingin rumah tangga bahagia, perlu ada keseimbangan antara luaran dan dalaman.

(Junaidah Mohd. Sali. *Rindu Emilia*. Sastera, 1994)

ii. Menjalin hubungan cinta tidak cukup hanya dengan perasaan semata-mata, kerana **\*\*\*ada ulam hendaklah ada sambalnya\*\*\*** - cinta perlu disertai keikhlasan, komitmen dan tanggungjawab supaya hubungan itu benar-benar kukuh dan diberkati.

(Abu Hassan Morad. *Menitip Kasih*. Umum, 2021)

Analisis terhadap data korpus (i) dan (ii) di atas menunjukkan penggunaan peribahasa ada ulam hendaklah ada sambalnya bagi menggambarkan konsep keseimbangan dan kesempurnaan dalam hubungan. Walaupun kedua-dua data ini mengandungi huraian yang kelihatan eksplisit, penganalisan secara Semantik Inkuisitif membuktikan bahawa makna tersebut sebenarnya berakar umbi daripada Rangka Rujuk Silang (RRS) yang menghubungkan sifat fizikal objek dengan kognitif penutur.

Dalam ranah pemikiran masyarakat Melayu, ulam (objek primer) merupakan elemen hidangan yang bersifat semula jadi namun mempunyai rasa yang tawar atau kelat jika dimakan secara sendirian. Sebaliknya, sambal (objek sekunder) bertindak sebagai pembangkit selera yang memberikan rasa dominan dan menyempurnakan hidangan tersebut. Secara fungsional, ulam dianggap tidak lengkap tanpa kehadiran sambal, dan kaitan erat inilah yang dipetakan ke dalam konteks hubungan insaniah.

Bagi data korpus (i), RRS digunakan untuk memetakan aspek “rupa” dan “harta” kepada sifat ulam yang merupakan keperluan asas atau luaran. Walau bagaimanapun, elemen ini dianggap “tawar” tanpa kehadiran “akhlak” dan “keimanan” yang dipetakan kepada sifat sambal. Analisis ini menunjukkan bahawa frasa “keseimbangan antara luaran dan dalaman” dalam teks tersebut merupakan manifestasi akal budi penutur; bahawa kebahagiaan rumah tangga memerlukan integrasi antara kriteria material (ulam) dengan pengisian spiritual (sambal). Melalui RRS, pembaca memahami bahawa jodoh yang ideal tidak boleh bersifat pincang, sebaliknya memerlukan gandingan yang saling melengkapi bagi menjamin keberkatan.

Seterusnya, data korpus (ii) pula memperincikan konteks usaha dalam mengekalkan hubungan cinta. Melalui pemetaan kognitif yang sama, “perasaan cinta” diibaratkan sebagai ulam yang menjadi asas permulaan, manakala “keikhlasan”, “komitmen”, dan “tanggungjawab” bertindak sebagai sambal yang memberikan kekuatan kepada ikatan tersebut. "Meskipun penjelasan makna kelihatan tersurat dalam ayat, logik di sebaliknya tetap bersandarkan kepada sifat fizikal objek, iaitu cinta tanpa tanggungjawab diibaratkan seperti memakan ulam tanpa sambal sebagai pembangkit selera. Tanpa gandingan tersebut, hubungan akan menjadi hambar dan tidak sempurna, sama seperti hambar dan tawar rasa ulam jika dimakan secara sendirian.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap kedua-dua data korpus ini membuktikan bahawa peribahasa ada ulam hendaklah ada sambalnya menyerlahkan falsafah jati diri Melayu yang

mementingkan hukum keseimbangan. Jodoh dalam konteks ini tidak hanya dilihat sebagai pertemuan dua jiwa, tetapi sebagai penyatuan dua elemen (luaran dan dalaman atau perasaan dan tindakan) yang berfungsi secara bersepadu bagi mencapai kestabilan sosial dan kesejahteraan hidup.

### **Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Penganalisan pada tahap inkuisitif ini menghalusi data linguistik bagi menelusuri makna di sebalik tafsiran harfiah, sekali gus menzahirkan kearifan tempatan masyarakat Melayu dalam mengonsepsikan hakikat perjodohan. Pemilihan leksikal ulam sebagai entiti utama merupakan perlambangan kognitif terhadap fitrah manusia yang sedia ada. Keberadaan ulam yang tumbuh secara organik mengikut hukum alam, didukung oleh faktor iklim serta bentuk muka bumi tanah pamah yang memudahkan akar menjalar (Jabatan Meteorologi Malaysia, n.d.; Mohd Faisal Musa *et al.*, 2022; Mahani Amat@Halimi, 2025), mencerminkan falsafah penerimaan terhadap ketetapan takdir. Sifat asli ulam yang tawar, pahit, atau berbau kuat namun sarat dengan khasiat penyembuhan (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, n.d.) memberikan isyarat tentang nilai keikhlasan budi, iaitu keupayaan akal untuk menerima kekurangan zahariah pasangan demi mengecapi kesejahteraan jiwa dan kesejahteraan sosial bagi jangka masa panjang.

Kearifan ini seterusnya dipertautkan dengan kehadiran sambal sebagai entiti yang menyeimbangkan kepincangan rasa. Sambal yang dibina daripada kepelbagaian bahan seperti cili (Ahmad Wazir Aiman, 2020) dan limau (Riski Candra Swari, 2021) melambangkan proses kematangan dalam perhubungan. Keupayaan pelbagai bahan yang berbeza sifat ini untuk menjadi sehati dalam satu rasa yang enak telah memanasifikasikan falsafah kestabilan sifat dan ketabahan mendepani asam garam kehidupan. Dalam kognitif Melayu, sambal bertindak sebagai pembangkit selera, yang bermaksud tanggungjawab dan komitmen adalah penggerak utama yang memberi “rasa” kepada perasaan cinta yang pada asalnya bersifat tawar (ulam). Tanpa proses penyatuan yang sempurna ini, ikatan jodoh akan kekal dalam keadaan hambar dan tidak berupaya mencapai tahap kesempurnaan hubungan.

Secara keseluruhannya, pertalian antara hakikat fizikal objek dengan dapatan data korpus (i) dan (ii) merumuskan satu tatanan nilai bahawa jodoh merupakan penyatuan dua unsur yang saling melengkapi. Sebagaimana rupa dipadankan dengan akhlak, dan emosi diimbangi dengan tanggungjawab, peribahasa ini menegaskan bahawa kesempurnaan hanya wujud melalui keharmonian pasangan (Surah Ar-Rum: 21). Akal budi Melayu menerusi gandingan ulam dan sambal ini secara tuntasnya membuktikan bahawa kebahagiaan hakiki bukan ditemukan dalam keseragaman sifat, sebaliknya diraih melalui kebijaksanaan menyesuaikan diri serta kesanggupan untuk saling menampung kekurangan pasangan demi kelestarian institusi kekeluargaan yang diberkati.

#### ***4.2.2 Penganalisan Peribahasa Bertemakan Jodoh Tidak Sepadan***

<b>Tema</b>	<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Jodoh Tidak Sepadan	Bagai tanduk bersendi gading	Jodoh yang tidak sepadan

### **Tahap 1: Semantik Skrip**

Data bagi peribahasa bagai tanduk bersendi gading membawa maksud sebagai jodoh yang tidak sepadan

## Tahap 2: Semantik Resonans

Tahap kedua ini akan membincangkan ayat-ayat daripada data korpus yang melibatkan penggunaan peribahasa *bagai tanduk bersendi gading*.

i. Walaupun masyarakat memandang serong pada awalnya, perkahwinan antara Amin, seorang pemuda penarik beca dengan Nurul Iman, anak seorang tokoh korporat ternama, menjadi contoh nyata bahawa jodoh tidak mengenal darjat, malah peribahasa **\*\*\*tanduk bersendi gading\*\*\*** amat tepat menggambarkan ikatan suci mereka yang melangkaui batas sosial.

(Harun Haji Salleh. *Teduhlah Hujan Redalah Angin*. Sastera, 1995)

ii. Setelah bertahun-tahun berkawan sejak di universiti, jodoh antara Syafiqah anak petani dari daerah luar bandar dan Tunku Azim, pewaris keluarga bangsawan, akhirnya termeterai dalam sebuah majlis perkahwinan penuh adat; hubungan mereka jelas mencerminkan peribahasa **\*\*\*tanduk bersendi gading\*\*\*** yang menggambarkan kesatuan dua insan daripada golongan berbeza taraf kehidupan.

(Julia Unggal. *Tragedi Tahun Baru*. Sastera, 1994)

Analisis terhadap data korpus (i) dan (ii) memaparkan penggunaan peribahasa tanduk bersendi gading bagi menggambarkan fenomena perjodohan yang merentasi jurang status sosial. Walaupun kandungan teks memberikan penjelasan yang nyata tentang perbezaan darjat, pemahaman pembaca terhadap situasi ini sebenarnya bersandarkan kepada Rangka Rujuk Silang (RRS) yang menghubungkan kualiti fizikal objek dengan struktur kognitif penutur.

Dalam data korpus (i), watak Amin (penarik beca) dan Nurul Iman (anak tokoh korporat) dikonsepsikan melalui pertentangan dua entiti yang tidak setara. Melalui analisis RRS, tanduk yang bersifat kasar dan merupakan hiasan biasa pada haiwan ternakan telah dipetakan kepada status sosial Amin yang rendah. Sebaliknya, gading yang bersifat halus, putih bersih, dan melambangkan kemewahan pula dipetakan kepada latar belakang Nurul Iman yang berada dalam kelas atasan. Frasa “melangkaui batas sosial” dalam teks tersebut sebenarnya merupakan manifestasi pemetaan minda pembaca yang melihat penyatuan dua elemen, iaitu ‘tanduk’ dan ‘gading’ yang secara fizikalnya mempunyai nilai dan estetika yang jauh berbeza.

Situasi yang serupa turut digambarkan dalam data korpus (ii) melalui watak Syafiqah (anak petani) dan Tunku Azim (pewaris bangsawan). Di sini, RRS menelusuri perbezaan tersebut melalui aspek prestij dan asal usul keluarga. Pekerjaan petani dikaitkan dengan kesederhanaan (tanduk), manakala gelaran bangsawan serta pemilikan harta pusaka dikaitkan dengan kedudukan yang tinggi (gading). Huraian teks mengenai 'kesatuan dua insan daripada golongan berbeza taraf kehidupan' ini bersandarkan kepada sifat fizikal objek, iaitu penyatuan antara gading yang bernilai tinggi dengan tanduk yang bersifat biasa. Walaupun kedua-dua objek ini mempunyai nilai yang berbeza, gabungan tersebut membuktikan bahawa dalam akal budi Melayu, jurang perbezaan darjat bukanlah penghalang bagi pembentukan sebuah ikatan perkahwinan yang utuh.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap kedua-dua data korpus ini mengukuhkan tema “Jodoh Tidak Sepadan” melalui manifestasi pertautan dua objek yang berlainan nilai. Walaupun dari aspek material hubungan ini kelihatan tidak seimbang, kearifan masyarakat melalui peribahasa ini mengakui keutuhan

penyatuan yang dibina atas dasar keikhlasan. Pengaplikasian RRS dalam kedua-dua data korpus memperincikan bahawa nilai sesebuah ikatan tidak hanya bergantung pada persamaan taraf, sebaliknya terletak pada keupayaan menyelaraskan dua latar belakang yang berbeza. Hal ini diibaratkan seperti gading yang berharga tetap mampu bersatu secara harmoni dengan tanduk yang biasa demi membentuk sebuah institusi kekeluargaan yang utuh.

### **Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Penganalisan pada peringkat ini menghalusi sebab leksikal “tanduk” dan “gading” dipilih sebagai perlambangan dalam peribahasa ini, berbanding menggunakan nama haiwan itu sendiri (kerbau atau gajah). Dari perspektif fungsi dan material, tanduk (khususnya kelompok Bovidae) merupakan struktur tetap yang terbentuk daripada tulang keras dan keratin, manakala gading pula merupakan modifikasi gigi hadapan gajah yang sarat dengan enamel serta saraf (Kim Maley, 2020; Fikri Muhammad, 2021). Walaupun kedua-duanya merupakan komponen yang kukuh dan kekal, masyarakat Melayu tidak melihatnya dari sudut biologi semata-mata, sebaliknya memberikan nilai estetika dan lambang social yang kontras terhadap kedua-dua objek tersebut.

Gading dikonsepsikan sebagai lambang kekuasaan dan kemewahan kerana nilainya yang eksklusif serta sukar diperoleh. Memandangkan gajah hidup jauh di dalam hutan, gading menjadi bahan yang sangat jarang ditemui (nadir) dan hanya mampu dimiliki oleh golongan istana. Dalam budaya Melayu, gading digunakan sebagai bahan utama untuk hulu dan sarung keris diraja, yang melambangkan kedaulatan dan status sosial yang tinggi (Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Perlis, n.d.). Contohnya, Keris Pendek Diraja yang digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong membuktikan bahawa gading adalah simbol kesucian dan kewibawaan. Sebaliknya, tanduk dikonsepsikan sebagai objek biasa yang dekat dengan kehidupan rakyat jelata. Oleh sebab tanduk mudah didapati daripada haiwan ternakan seperti kerbau dan lembu, fungsinya lebih kepada kegunaan harian. Masyarakat menggunakan tanduk untuk perkara yang lebih praktikal, seperti dijadikan hulu senjata (rencong dan badik) atau alat komunikasi seperti tetuang (Berita Jabatan Muzium Malaysia, 2018).

Selain nilai sosial, perbezaan lambang fizikal khususnya aspek warna memainkan peranan krusial dalam membentuk falsafah peribahasa ini. Gading yang berwarna putih atau kekuningan (Kamus Dewan, 2015) sinonim dengan nilai kesucian dan kemurnian dalam perspektif Islam (Monika@Munirah, 2013). Hal ini diperkukuh melalui isyarat al-Quran dalam Surah Ali ‘Imran (ayat 106) yang mengaitkan “wajah yang putih berseri” dengan keredaan Allah, manakala “hitam” (warna tanduk kerbau) sering dikaitkan dengan kegelapan atau sesuatu yang kurang bernilai. Pertentangan warna ini memperjelaskan lagi jurang antara dua entiti yang kontra, yang mana putih melambangkan kemuliaan, manakala hitam melambangkan kebiasaan.

Tuntasnya, akal budi di sebalik pemilihan objek tanduk dan gading ini merumuskan falsafah “Jodoh Tidak Sepadan”. Tanduk memperlihatkan kedudukan yang lebih rendah, manakala gading pula mempamerkan keistimewaan. Walaupun ungkapan “bersendi” secara harfiah menggambarkan penyatuan yang rapat, namun gabungan dua objek yang berbeza kualiti, warna, dan nilai sosial ini sebenarnya memberikan isyarat tentang “ketidakpadanan”. Hal ini selari dengan apa yang digambarkan dalam data korpus (i) dan (ii), yang mana jurang antara “tanduk” dan “gading” dimanifestasikan melalui perbezaan latar belakang watak. Watak Amin dan Syafiqah yang mewakili golongan marhaen dipetakan sebagai “tanduk” yang biasa, manakala Nurul Iman dan Tunku Azim yang mewakili kelas korporat serta bangsawan dipetakan sebagai “gading” yang eksklusif. Dalam konteks perjodohan, kearifan ini

mengingatkan bahawa penyatuan yang dibuat tanpa melihat kesepadanan taraf (sekufu) berisiko mengundang ketegangan dalam hubungan. Kesimpulannya, sebagaimana data korpus yang memaparkan pandangan serong masyarakat terhadap hubungan tersebut, sesuatu yang dipadankan pada tempat yang tidak tepat bukan sahaja menghilangkan nilai estetikanya, malah berupaya menjejaskan keharmonian institusi keluarga yang dibina.

#### 4.2.3 Penganalisan Peribahasa Bertemakan Jodoh yang Terhalang

Tema	Peribahasa	Maksud
Jodoh yang Terhalang	Bagai bertepuk sebelah tangan	Kasih sayang yang hanya pada satu pihak; cinta kasih yang tidak terbalas

##### Tahap 1: Semantik Skrip

Data bagi peribahasa bagai bertepuk sebelah tangan membawa maksud kasih sayang yang hanya pada satu pihak dan juga cinta kasih yang tidak terbalas.

##### Tahap 2: Semantik Resonans

Ayat-ayat di bawah ini merupakan pembuktian linguistik yang menunjukkan penggunaan peribahasa *bagai bertepuk sebelah tangan*.

i. Ketika itu, kudrat mereka sama-sama kuat. Langsung tidak mahu mengalah. Hanya kerana mereka mencintai wanita yang sama. Sahar yang berangan begitu jauh itu berasa malu apabila mendapat tahu Hardin turut mengejar wanita yang sama. Sahar semakin marah apabila Hardin berterus terang yang dia tidak **\*\*\*bertepuk sebelah tangan\*\*\***.

(Radzema Bolhassan. *Tuan Rumah*. Umum, 2020)

ii. Ada kalanya pertelingkahan kecil mampu membuatkan pasangan saling benci-membenci. Jika ini berlaku bertenanglah. Jika hanya masalah kecil, jangan diikutkan hati. Sabar dan beri peluang pasangan untuk mengerti sebab mengapa anda marah. Tapi kedua-dua pihak mestilah berhasrat untuk memulihkan hubungan. Tak guna kalau **\*\*\*bertepuk sebelah tangan\*\*\***.

(PA & MA MAC 2002. 2002)

Analisis terhadap data korpus (i) dan (ii) memaparkan penggunaan peribahasa bertepuk sebelah tangan bagi menggambarkan fenomena perasaan yang tidak bersambut. Pemahaman pembaca terhadap situasi ini bersandarkan kepada Rangka Rujuk Silang (RRS) yang menghubungkan perlakuan fizikal bertepuk tangan dengan struktur kognitif penutur mengenai perhubungan.

Dalam data korpus (i), persaingan antara Sahar dan Hardin dikonsepsikan melalui pertentangan antara harapan dengan kenyataan. Melalui analisis RRS, perlakuan “bertepuk” yang secara fizikalnya memerlukan pertemuan dua belah tangan dipetakan kepada situasi cinta yang mesti melibatkan dua pihak. Kenyataan Hardin bahawa dia “tidak bertepuk sebelah tangan” merupakan manifestasi pemetaan minda pembaca bahawa cintanya telah disambut oleh wanita tersebut. Kehadiran kata nafi “tidak” di sini mengubah pemetaan daripada maksud asal peribahasa, iaitu kasih sayang yang hanya pada satu pihak, kepada sebuah hubungan yang mempunyai tindak balas daripada kedua-dua belah pihak.

Situasi yang serupa turut digambarkan dalam data korpus (ii) melalui konteks konflik rumah tangga. Di sini, peranan RRS menelusuri kepentingan kerjasama melalui frasa “kedua-dua pihak mestilah berhasrat untuk memulihkan hubungan” sebagai Premis Tambahan yang utama. Secara kognitif, usaha memulihkan hubungan dipetakan kepada logik fizikal bertepuk tangan, yang mana bunyi (hasil) tidak akan terhasil jika hanya sebelah tangan yang digerakkan. Huraian teks mengenai “tak guna kalau bertepuk sebelah tangan” memberikan penjelasan bahawa tanpa keinginan bersama, segala usaha perdamaian akan menemui kegagalan kerana hubungan yang hanya melibatkan usaha satu pihak sahaja.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap kedua-dua data korpus ini mengukuhkan pemaknaan “kasih sayang yang hanya pada satu pihak” melalui manifestasi pertautan tindakan fizikal dengan kesan perhubungan. Pengaplikasian RRS terhadap kedua-dua data korpus pula memperincikan bahawa nilai sesebuah ikatan bergantung kepada maklum balas dua hala. Hal ini diibaratkan seperti tangan yang tidak akan menghasilkan bunyi tepukan jika hanya sebelah tangan yang diayunkan, mencerminkan bahawa keharmonian tidak akan tercapai jika kasih sayang atau keinginan untuk memulihkan hubungan hanya datang daripada satu pihak sahaja.

### **Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Penganalisan pada peringkat ini menghalusi sebab leksikal “tangan” dipilih sebagai perlambangan utama dalam peribahasa ini, berbanding anggota badan yang lain. Walaupun anggota seperti mata atau hati sering dikaitkan dengan perasaan, masyarakat Melayu memilih tangan kerana anggota ini melambangkan aspek usaha dan interaksi sosial yang nyata (Kali Junjung Hasibuan, 2022). Dari perspektif sejarah, perbuatan menepuk tangan telah lama dikonsepsikan sebagai simbol persetujuan dan maklum balas penonton (Karl Smallwood, 2016). Secara anatomi pula, tangan mempunyai struktur kompleks yang terdiri daripada 27 tulang dan sistem saraf yang menjadikannya alat utama manusia untuk bekerja dan membina kehidupan (Risky Candra Swari, 2022). Oleh itu, tangan disimbolkan sebagai daya usaha untuk membuahkan sesuatu hasil.

Dalam budaya Melayu, tangan dikonsepsikan sebagai media interaksi yang mementingkan nilai kesantunan. Hal ini dibuktikan melalui adat bersalaman untuk mempereratkan silaturahim serta adat pinangan dan pernikahan yang menggunakan jabat tangan sebagai ritual simbolik kesungguhan memikul tanggungjawab (Kali Junjung Hasibuan, 2022; Norhuda Salleh & Yaacob Harun, 2015). Kepentingan anggota badan ini turut selari dengan ajaran Islam yang memuliakan fungsi tangan kanan dalam urusan kehidupan (Sahih Muslim). Maka, perlakuan menepuk tangan dikonsepsikan sebagai satu bentuk maklum balas kognitif, yang mana hasil (bunyi) hanya akan terhasil apabila dua entiti (tangan kanan dan kiri) saling bertemu dan menyahut.

Selain nilai sosial, perbuatan menepuk tangan juga berkaitan dengan aspek kesejahteraan diri. Aktiviti bertepuk tangan dapat merangsang titik sensitif seperti Lao Gong yang membantu mengalirkan tenaga (*qi*) ke seluruh badan, sekali gus memberikan manfaat kepada emosi dan fungsi otak (Chris Reilly, 2015; Miracle Ugonma Uka-Kalu, 2024). Pertalian antara perbuatan fizikal ini dengan sistem tubuh memperjelaskan falsafah peribahasa ini, iaitu maklum balas dua hala bukan sahaja menstabilkan hubungan, malah menjamin kesejahteraan emosi manusia. Sebaliknya, ketiadaan tindak balas akan mendatangkan kemudaratan kepada jiwa kerana usaha yang dilakukan tidak mencapai sasarannya.

Tuntasnya, akal budi di sebalik pemilihan objek tangan dan perbuatan menepuk ini merumuskan falsafah “Keadilan Maklum Balas” dalam hubungan. Secara harfiah, peribahasa ini menggambarkan kegagalan menghasilkan bunyi akibat ketiadaan tindak balas daripada sebelah tangan yang lain. Hal ini

selari dengan apa yang digambarkan dalam data korpus (i) dan (ii), yang mana situasi “Kasih sayang yang hanya pada satu pihak” dimanifestasikan melalui ketiadaan respon daripada pasangan. Dalam data korpus (i), kekecewaan Sahar dipetakan sebagai “sebelah tangan” yang gagal menghasilkan bunyi, manakala dalam data korpus (ii), kegagalan memulihkan hubungan dipetakan sebagai perbuatan menepuk yang sia-sia tanpa penyertaan pihak kedua. Kesimpulannya, sebagaimana pemetaan dalam data korpus, akal budi Melayu menekankan bahawa keharmonian hanya akan tercapai apabila adanya keserasian dan timbal balik, kerana usaha yang hanya datang daripada sebelah pihak bukan sahaja menghilangkan manfaat hubungan, malah menjejaskan kestabilan jiwa individu yang terlibat.


### 4.3 Hasil Perbincangan Ketiga-Tiga Tema Peribahasa Perihal Jodoh

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga peribahasa perihal jodoh ini didapati berpaksikan kepada satu nilai teras yang sama, iaitu nilai keseimbangan. Manifestasi nilai ini diperincikan melalui dua dimensi utama, iaitu keseimbangan positif yang membawa kepada keharmonian, serta keseimbangan negatif yang membawa kepada ketidakserasian atau kegagalan hubungan.

Pertama, peribahasa *ada ulam hendaklah ada sambalnya* mewakili dimensi keseimbangan positif. Nilai ini dizahirkan melalui gabungan dua objek yang mempunyai sifat dan rasa yang kontras namun saling melengkapi. Objek 'ulam' membawa akal budi keikhlasan dalam menerima kekurangan, manakala 'sambal' melambangkan kestabilan sifat dan pengalaman. Apabila kedua-dua objek ini dipertemukan, ia menyampaikan pesanan tentang usaha menyesuaikan diri dengan kelebihan dan kekurangan pasangan demi mewujudkan fungsi pelengkap yang harmoni.

Kedua, peribahasa *bagai tanduk bersendi gading* mempamerkan dimensi keseimbangan negatif. Nilai keseimbangan di sini dilihat daripada sudut pertentangan status yang tidak boleh disatukan secara semula jadi. Objek 'tanduk' yang membawa akal budi kebiasaan (berwarna hitam) dikonsepsikan sebagai tidak seiring dengan 'gading' yang bersifat eksklusif dan melambangkan kemuliaan (berwarna putih). Dalam konteks jodoh, ketidakseimbangan ini menekankan kepentingan konsep kafa'ah, iaitu “sekufu” bagi menjamin kesejahteraan rumah tangga dan mengelakkan ketidaklarasan sosial.

Ketiga, peribahasa *bagai bertepuk sebelah tangan* turut meletakkan keseimbangan negative sebagai teras penganalisisan. Nilai keseimbangan di sini memfokuskan kepada aspek tindak balas dua hala. Objek 'tangan' dikonsepsikan sebagai simbol kekuatan interaksi, manakala perlakuan 'bertepuk' membawa akal budi manfaat bersama. Sebagaimana aktiviti bertepuk tangan secara dua hala memberi faedah kepada kesihatan, perasaan kasih sayang juga memerlukan komitmen yang serentak untuk mencapai kestabilan. Ketidakseimbangan dalam usaha atau perasaan hanya akan memudaratkan satu pihak, sekali gus merumuskan bahawa hubungan yang tidak bergerak secara serentak akan menemui kegagalan. Rajah 3 di bawah menunjukkan petunjuk nilai keseimbangan dalam perbincangan tiga peribahasa perihal jodoh dalam kajian ini.



**Rajah 3** Graf Nilai Keseimbangan dalam Peribahasa Perihal Jodoh

## 5.0 KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa peribahasa Melayu perihal jodoh bukan sekadar aturan kata-kata kiasan, sebaliknya merupakan manifestasi kognitif yang kompleks terhadap institusi hubungan insaniah. Melalui pendekatan Semantik Inkuisitif, pemilihan leksikal seperti 'ulam', 'sambal', 'tanduk', 'gading', dan 'tangan' didapati berakar umbi daripada pengamatan mendalam masyarakat Melayu terhadap sifat fizikal alam yang dipetakan kepada sistem nilai dan falsafah hidup. Secara tuntasnya, falsafah keseimbangan muncul sebagai teras utama dalam kearifan Melayu mengenai perjodohan. Sama ada melalui integrasi elemen yang saling melengkapi (ulam dan sambal), kesedaran terhadap kesetaraan status sosial (tanduk dan gading), mahupun kepentingan komitmen dua hala (bertepuk tangan). Masyarakat Melayu menekankan bahawa kelestarian jodoh bergantung kepada harmoni antara dua entiti yang berbeza. Kajian ini bukan sahaja mengisi jurang literatur dalam bidang linguistik kognitif, malah berfungsi sebagai wahana untuk memugar semula nilai akal budi Melayu agar tetap relevan dalam mendepani dinamika hubungan sosial pada era moden.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua individu yang terlibat dalam penghasilan makalah ini dari awal hingga ke akhir proses. Penyelidikan ini dijalankan di bawah projek (ID: P-RIGS25-108-010) bertajuk *Kearifan Tempatan dalam Peribahasa Melayu: Memperkasakan Pendidikan Lestari melalui Nilai Budaya untuk Kelestarian Alam dalam Era Malaysia Madani*.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Hussain. (2005). *Kamus istimewa peribahasa Melayu* (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Wazir Aiman Mohd Abdul Wahab. (2020). *Cili: Bagaimana ianya mempengaruhi anda*. HelloDoktor. <https://helloworldoktor.com/pemakanan/fakta-nutrisi/cili-mempengaruhi-kesihatan-anda/>
- Aminuddin Saimon, & Muhammad Asyraf Md. Rashid. (2022). Konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic*, 12(1), 6–17. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839>.
- Azri Bhari. (2024). Jodoh ditetapkan Allah SWT tidak pernah salah. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2024/10/1147029/jodoh-ditetapkan-allah-swt-tidak-pernah-salah>.
- Berita Jabatan Muzium Malaysia. (2018). *Sambutan Hari Muzim Antarabangsa 2018*. Jabatan Muzium Malaysia. <http://www.jmm.gov.my/files/Berita%20JMM%20Jld%2025%20Bil%20%20%28Mei-Ogos%202018%29.pdf>.
- Eli Aima Shazila Amran, & Julaina Nopiah. (2020). Leksikal ‘ayam’ dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*. <http://irep.iium.edu.my/85388/>.
- Fikri Muhammad. (2021). *Kenapa gajah mempunyai gading? Apa saja fungsi gading gajah?* National Geographic Indonesia. <https://nationalgeographic.grid.id/read/132834562/kenapa-gajah-mempunyai-gading-apa-saja-fungsi-gading-gajah?page=all>.
- Hairul Nisma Wahab, Wazzainab Ismail, Zailin Zainal Ariffin, & Salina Hussain. (2024). Perbandingan peribahasa Melayu, Sepanyol dan Arab bertemakan usaha dalam aspek ekonomi: Satu analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 7(1), 51–68. <https://doi.org/10.22452/melayusedunia.vol7no1.4>.
- Ihwani Pangesa, Hermandra, & Dudung Burhanudin. (2024). Leksikal bunga dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *JIIP (Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan)*, 7(2), 1555–1562. <https://doi.org/10.54371/jiip.v7i2.3910>.
- Jabatan Meteorologi Malaysia. (n.d.). *Iklim Malaysia*. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. <https://www.met.gov.my/pendidikan/iklim-malaysia/>.
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. (n.d.). *Pegaga*. <https://www.forestry.gov.my/my/pengumuman-berita/97-herba/521-pegaga>.
- Julaina Nopiah, & Fikratul Jahriyyah Anuar. (2023). Unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 1–32. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no1).
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66–88.

- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 185–201. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3401-11>.
- Kali Junjung Hasibuan. (2022). Hukum berjabat tangan dalam akad nikah. *Journal of Islamic Law El Madani*, 2(1), 11–21. <https://doi.org/10.55438/jile.v2i1.123>.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka. Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Perlis. (n.d.). *Alat kebesaran Diraja*. Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis. <https://dymm.perlis.gov.my/index.php/info-diraja/alat-kebesaran-diraja>.
- Mahani Amat @ Halimi. (2025, Februari 20). *Tanam sendiri pucuk paku, sumber sayuran segar dan jimat*. Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/tanam-sendiri-pucuk-paku-sumber-sayuran-segar-dan-jimat>.
- Maley, K. (2020, Oktober 10). *A pointed article about antlers and horns*. Friends of Silver Falls. <https://www.friendsofsilverfalls.net/stories/2020/10/10/a-pointed-article-about-antlers-and-horns>.
- Maulana Al-Fin Che Man, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Unsur burung dalam pantun: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1–15.
- Mohd Faisal Musa, Suhaini Md Noor, & Muhamad Shafiq Mohd Ali. (2022). *Gastronomi alam Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Monika @ Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Nur Asilah Ibrahim, & Khadler Ahmad. (2013). Warna putih menurut perspektif al-Quran dan hadith: Satu analisis awal. *Quranica: International Journal of Quranic Research*, 3(4), 95–120.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43–52.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Semantik dan pragmatik dalam penterjemahan. *Dewan Bahasa*, 35(11), 984–990.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *Semantik inkuisitif: Satu pengenalan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2024). *Pragmatik: Teori dan praktis*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 158–172.
- Nor Hidayah Roslan, Abdullah Yusof, & Anida Sarudin. (2024). Penguasaan penggunaan peribahasa dalam karangan bahasa Melayu tingkatan satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Rompin Permai. *Jurnal Asian Pendidikan*, 4(1), 53–64. <https://doi.org/10.53797/aspenn.v4i1.6.2024>.
- Norhuda Salleh, & Yaacob Harun. (2015). Fungsi ritual dalam adat pertunangan Masyarakat Melayu. *Journal of Education and Social Sciences*, 1, 228–235.
- Nursyaza Iffah Shari, & Julaina Nopiah. (2024). Unsur dualisme berobjekkan haiwan dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 7, 152–168.
- Reilly, C. (2015, Januari 12). *Lao Gong: Acupressure for connection, clarity, & renewal*. Stram Center for Integrative Medicine. <https://stramcenter.com/blog/blog-detail/lao-gong-key-point-for-healing/>.
- Risky Candra Swari. (2022, Oktober 30). *Gambar tangan manusia beserta fungsi setiap bagiannya*. HelloSehat. <https://hellosehat.com/muskuloskeletal/gambar-tangan-manusia/>.

- Smallwood, K. (2016). *When did people first start clapping to show appreciation?* Today I Found Out. <https://www.todayifoundout.com/index.php/2016/04/people-first-start-clapping-show-appreciation-something/>.
- Uka-Kalu, M. U. (2024). *Health benefits of clapping hands*. Lifeway Medical Diagnostic Center. <https://lifewaydiagnostic.com/health-benefits-of-clapping-hands/>
- Wong Shia Ho, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231–258. [https://doi.org/10.37052/jb.19\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jb.19(2)no3).